

## **BUDAYA PENYELIDIKAN WADAH WARGA CEMERLANG**

23 Ogos 2008, New Sabah Times, m/s 6

Oleh **Jakaria Dasan**

*Pentas Konvokesyen menobatkan cita,  
Sulam warna sari makna,  
Imej lensa patri cerita  
Graduan mengangkasa tamadun bangsa,  
Sembilan kapsul masa yang berbeza.*

*(1) Melakar Citra UMS  
Di laman Kinabalu yang muda usianya,  
graduan selesa melihat rakan  
...yang mudah dihitung dengan jarinya.*

*(2) Mendukung Wawasan Negara  
Di arca wawasan yang baru dibina,  
graduan berdiri dengan hati membara  
...yang bertingkat itu mengandungi seribu  
makna.*

*(3) Merintis Cabaran Globalisasi  
Di Dewan Canselor yang simbolik  
rekabentuknya,  
graduan tangkas membaca aksi dunia  
...yang saban hari rumit dan getir rintangannya.*

*(4) Membina Kecemerlangan Penyelidikan  
Di makmal sains yang dipenuhi ujian,  
graduan pantas meneliti pergerakan  
...yang sering dikaburi dengan pelbagai takrifan*

*(5) Memperkukuh Kualiti Dalaman  
Di dalam bilik-bilik kuliah mahu pun di  
kawasan terbuka  
graduan gigih meningkatkan ilmu mengukuhkan  
takwa  
...yang pasti tergoda jika cuai dan leka*

*(6) Merealisasi Sedekad Impian  
Di sepanjang jejak-jejak menjaring kejayaan,  
graduan berpaksikan kepada pendirian  
...yang fokus kepada matlamat dan tujuan.*

*(7) Mengupaya Modal Insan  
Di atas kesedaran cabaran globalisasi yang  
tiada noktahnya  
graduan berdikari tanpa mengharap ehsan*

*...yang menjadi tunjang kredibiliti daya  
saingnya*

*(8) Memperkasa Kota Ilmu  
Di laman bandaraya yang pesat membangun  
graduan meneruskan agenda luhur nan satu  
...yang teguh mempelajari ilmu sejak turun  
temurun*

*(9) Memartabat Kota Ilmu  
Di ceruk desa hingga ke kota tanpa ada  
batasannya,  
graduan diajak berbakti pada masyarakat  
...yang dambakan dinamika pemimpin mudanya*

*Bertekad mengangkasa tamadun bangsa  
Di Dewan Canselor yang mulia buat kali yang  
ke-10 nya  
graduan perlu kembali menghayati perkaitan  
sembilan masa  
...yang pasti menceritakan hari muka nusa dan  
bangsa.  
(Puisi "Mengangkasa Tamadun Bangsa"  
Jakaria Dasan)*

Universiti Malaysia Sabah sekali lagi dikunjungi ribuan manusia dari pelbagai kaum dan negeri bermula pada 19 Ogos hinggalah 25 Ogos 2008. Dalam kalendar universiti terdapat dua keadaan bilamana keadaan seperti ini berlaku dalam kampus. Pertamanya ialah pada ketika pendaftaran masuk pelajar baru yang dikenali sebagai Minggu Suai Mesra. Keduanya ialah pada ketika universiti secara rasminya melepaskan pelajar yang telah tamat pengajian, yang dikenali sebagai Majlis Konvokesyen. Pada tahun ini, Majlis Konvokesyen UMS kali yang ke -10 diadakan bermula pada 23 Ogos hingga 25 Ogos 2008.

Jumlah pelajar yang terlibat dalam Majlis Konvokesyen adalah seramai 3,929 orang dengan melibatkan lima sidang penganugerahan. UMS amat berbangga kerana dapat terus melaksana misi melahirkan generasi baru yang siaga

ilmunya memastikan ketidaktentuan masa depan tidak menggugat keampuhan masyarakat negara ini. Graduan UMS, malah graduan universiti mana sekali pun, harus sedar bahawa dalam proses kehidupan terdapat dua fasa kelahiran. Fasa pertama ialah kelahiran yang azali, iaitu dari rahim ibu. Keduanya dari universiti, sebuah institusi ilmu, yang memperkemaskan lagi kelahiran manusia sebagai insan yang berilmu yang terus kukuh dengan nilai, adat dan adab serta tradisi bangsa yang berilmu dan berrmaruah.

Di universiti, graduan telah diasuh mindanya agar berupaya melihat sesuatu perkara dengan lebih jelas berdasarkan kebenaran fakta yang disokong dengan pelbagai kajian penyelidikan. UMS peka dengan misi menghasilkan graduan yang bukan hanya berilmu, malah berkemahiran, berketrampilan dan berkebolehan. Elemen-elemen 3K (kemahiran, ketrampilan dan kebolehan) inilah yang dapat memperlihatkan sejauhmana sebenarnya kualiti seseorang graduan itu. Justeru itu, UMS dibawah teraju Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon, telah menjadikan aktiviti-aktiviti penyelidikan sebagai antara fokus utama yang akan merangsang minda pelajar jua akhirnya. Selaku orang yang paling lama di UMS memantau perkembangan penyelidikan, beliau mampu melihat akan keperluan budaya penyelidikan sebagai suatu budaya yang sangat penting dalam menghasilkan inovasi sekaligus menjana warga graduan yang cemerlang. Ke arah merealisasikan budaya penyelidikan dan inovasi inilah maka, Prof Dr Rosnah Ismail, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi telah dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan dan memakmurkan lagi aktiviti-aktiviti penyelidikan yang menggabungkan kreativiti dan inovasi pensyarah dan pelajar.

Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta UMS 2008 atau dikenali dengan nama PEREKA 2008 yang dilangsungkan di UMS bermula dari 19 hingga 24 Ogos adalah inisiatif terbaru dibawah seliaan Prof Dr Rosnah dengan dibantu oleh Prof. Dr Awang Bono dari Pusat Penyelidikan dan Inovasi. Ianya diadakan sebagai salah satu pengisian utama dalam minggu Konvokesyen UMS. Seramai 82 penyertaan daripada Sekolah, Pusat, Institut dan Unit di UMS telah menyertai pertandingan tersebut. Seorang peserta pertandingan yang turut menyertai pameran yang diadakan iaitu Profesor Madya Dr Ho Chong Mun memperagakan hasil penyelidikan beliau dan rakan-rakan penyelidik dari Sekolah Sains dan Teknologi berkaitan Matematik sebagai suatu subjek yang sebenarnya mudah untuk difahami dan amat menyeronokkan kerana ianya begitu menarik dan mempunyai perkaitan logik dengan keadaan sekeliling manusia. Sebagai contoh, hasil penyelidikan beliau dan rakan-rakan telah membuktikan bahawa dimensi Teorem Phytagoras itu jika dijelaskan menggunakan bongkah-bongkah kayu khas, ianya akan lebih mudah dipelajari khususnya di kalangan murid-murid di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Seorang pelajar yang telah melakukan kajian dengan pensyarah dari Institut Penyelidikan Bioteknologi pula berjaya menghasilkan suatu teknik pengesanan samada kandungan daging yang dipakej untuk dijual kepada pengguna itu mempunyai kandungan daging dari binatang lain. Penyelidikan mereka ini akan dapat membantu usaha kerajaan untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan produk halal yang sedang dilaksanakan. Selain itu, PEREKA 2008 terbukti berjaya mengetengahkan pelbagai hasil inovasi lain yang begitu memberi manfaat kepada kehidupan manusia.

Mungkin tidak ramai yang tahu perbezaan di antara rama rama dan kupu-kupu. Dr. Bakhtiar Effendy Yahya, Timbalan Pengarah (Akademik dan Penyelidikan), Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan menjelaskan bahawa ramai orang bila ditanya akan menjawab dengan mengaitkan kupu-kupu dengan waktu malam. Sebenarnya kupu-kupu aktif hanya pada waktu siang. Manakala, saiz rama-rama adalah yang lebih besar dari kupu-kupu dan kadang-kadang mudah dikesan di waktu malam. Walaupun fakta seperti ini nampak remeh tetapi biasanya yang remeh itulah yang memulakan suatu perkara yang penting dan akan mempengaruhi kehidupan manusia. Bila Albert Einstein mencetus penemuan fiziknya, pasti dia sama sekali tidak menyangka bahawa penemuan beliau itu telah meranapkan sebahagian tamadun bangsa di Nagasaki dan Hiroshima. Dan detik kemusnahan yang lebih dasyat akan berlaku jika masyarakat dunia tidak melihat kepada kepentingan suatu perkara yang remeh.

Sehubungan dengan itulah budaya penyelidikan dan inovasi ini wajar diteruskan dengan mengambilkira kepentingan kreativiti manusia itu bukan hanya memajukan kehidupan manusia bahkan juga menjamin kesinambungan ketamadunan dunia. UMS akan terus memperkukuhkan aspek penyelidikan ini dengan menjadikan kelebihan bumi negeri Sabah ini khususnya sebagai pusat penyelidikan yang berpotensi menyelamatkan dunia. Graduan harus memiliki jiwa yang besar. Dan jiwa yang besar itu perlu diasaskan dengan program-program berteraskan penyelidikan dan inovasi.

Komponen penting dalam memperkasa institusi ilmu selain daripada mahasiswa ialah komponen sumber manusia. Dalam

amanat kepada kakitangan UMS yang disampaikan oleh Naib Canselor beliau telah menggariskan Lapan Tonggak Jati Diri Kakitangan UMS. Tonggak-tonggak tersebut ialah, integriti, hormat-menghormati, kebebasan akademik, kreatif dan inovatif, pengantarabangsaan, tanggungjawab sosial, meritokrasi dan profesionalisme. "Visi, misi dan objektif universiti telah sedia ada dan untuk mencapainya, kita telah pun mempunyai mekanisma menjayakannya. Terbaru, ialah dengan berpandukan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Untuk itu, UMS telah pun menggariskan tujuh kaedah yang selari dengan tujuh teras PSPTN Kementerian Pengajian Tinggi Negara. Persoalannya, bagaimanakah mekanisma itu hendak diadaptasikan pendekatannya jika kita begitu selesa dengan cara atau kaedah yang telah saban tahun kita lakukan. Justeru, kita perlu melakukan suatu perubahan paradigma dalam diri kita untuk mengotakan matlamat Pelan itu. Berubah dalam ertikata menghasilkan suatu momentum yang penuh tekad untuk meningkatkan prestasi yakni menghasilkan kualiti yang jauh lebih baik dari yang sebelumnya," Prof Datuk Dr Kamaruzaman.

Sehubungan itu juga maka amatlah penting agar setiap kakitangan universiti perlu berusaha menjadikan dirinya sebagai role model yang terbaik. Bagi mencapai tujuan tersebut, setiap kakitangan perlu muhasabah diri dengan jujur. Persoalan seperti "apakah kita telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita dengan bersungguh-sungguh, bermula dari rumah sehinggalah ke tempat kita bekerja?" perlu sentiasa ditanya pada diri masing-masing. Memiliki kelebihan pastinya menjadi impian setiap orang. Walaubagaimana pun, kita perlu memastikan bahawa kelebihan itu sebenarnya turut memberi manfaat kepada

orang di sekeliling kita. Dalam konteks sebagai penjawat awam di universiti, kesedaran sebagai role model yang cemerlang perlulah disuburkan. Ini adalah kerana di sini kakitangan juga diperhatikan dan dijadikan contoh oleh anak-anak muda yang bakal menjadi pemimpin masa depan dalam beberapa tahun lagi.

Organisasi yang mantap dan berjaya perlu membuat perancangan yang rapi dan tersusun untuk membangun sumber manusia ke tahap yang optimum bagi melahirkan kakitangan yang mahir, profesional, berwibawa, berilmu serta mempunyai motivasi yang tinggi bagi menghadapi sebarang cabaran dan menyerap tekanan kerjaya di era globalisasi. Usaha untuk membina peribadi unggul perlu diterapkan di kalangan kakitangan agar ianya menghasilkan tindakan atau sumbangan yang memberi manfaat kepada universiti. Hakikatnya, untuk melakukan suatu perkara yang positif memang sukar dan getir cabarannya. Namun demikian dengan kesungguhan melakukan suatu perkara secara berterusan, insyaAllah akhirnya akan bertukar menjadi suatu kebiasaan yang mudah untuk diamalkan. Kefahaman seperti ini akan sekaligus mendukung usaha merealisasikan peranan UMS, sebagai salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam, yang akan menghasilkan pelajar berkualiti, yang mampu bersaing di arena antarabangsa.

Dalam tulisan saya yang pernah tersiar di akhbar tempatan pada awal bulan ini, bertajuk "**Mengangkasa Tamadun Bangsa,**" saya cuba membayangkan betapa graduan pada hari ini tidak harus mengongkong cita-cita mereka untuk lulus dengan cemerlang dan seterusnya mendapat pekerjaan yang terhidang di depan mata sahaja. Saya cuba membawa pemikiran mahasiswa dan graduan agar melihat ruang dan peluang itu sebenarnya tidak ada

hadnya. Malah angkasa lepas itu juga menyediakan satu ruang yang hanya menunggu masa untuk dipelbagaikan peluangnya sahaja. Semuanya ini hanya akan berlaku dengan pantas jika mahasiswa dan graduan dibawah seliaan pensyarah menerobos kotak fikiran mereka dengan hasil-hasil penyelidikan yang berinovatif.